



**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN  
YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL  
DALAM DAN LUAR NEGARA**

**KELULUSAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI  
MINIT 704.05(h) dan MINIT 752.03(b)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN  
YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DALAM DAN LUAR NEGARA**

1. Garis Panduan ini disediakan untuk menerangkan mengenai tuntutan pembayaran yuran keahlian badan profesional dalam dan luar negara bagi semua Kumpulan Pengurusan dan Profesional bertaraf lantikan tetap di Universiti Putra Malaysia.
2. Permohonan tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional ini adalah tertakluk kepada pegawai yang memenuhi kriteria berikut:
  - a) Permohonan terbuka kepada semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Bukan Akademik) yang sedang berkhidmat di Universiti Putra Malaysia (UPM);
  - b) Bidang tugas/kerjaya pegawai hendaklah berkaitan dengan badan/kerjaya profesional yang dianggotai;
  - c) Keahlian dengan badan/persatuan profesional adalah atas keperluan yang mewajibkan pegawai berdaftar kerana sesuatu peraturan / undang-undang bagi mengamalkan profesionnya;
  - d) Keahlian hanya untuk badan/persatuan profesional yang telah disenaraikan sahaja **atau** yang diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab;
  - e) Tuntutan bayaran balik yuran keahlian adalah **terhad kepada RM600.00 dalam tahun semasa pembayaran dibuat** tanpa mengira bilangan badan/persatuan profesional pegawai itu menjadi ahli dan tahun keahlian;
  - f) Tuntutan bayaran perlu diproses dan diserahkan kepada Pejabat Bursar dalam tempoh **tiga (3) bulan sahaja daripada tarikh resit asal pembayaran**;
  - g) Peruntukan pembiayaan tersebut hanya menanggung yuran pendaftaran dan yuran keahlian sahaja. Bagi yuran pendaftaran tuntutan adalah sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan;
  - h) Yuran tahunan keahlian **TIDAK** termasuk bayaran pemprosesan, caj fi, denda, *assessment*, langganan majalah dan sebagainya;
  - i) Tuntutan bayaran balik hendaklah **dibuat dalam tahun kewangan semasa**. Sekiranya permohonan tuntutan yuran badan profesional dilakukan pada bulan November dan Disember bagi tahun semasa, pegawai masih perlu mengemukakan tuntutan tersebut ke Pejabat **Bursar selewat-lewatnya tiga (3) bulan daripada tarikh resit asal pembayaran**. Jumlah tuntutan tersebut akan ditolak daripada jumlah tuntutan maksimum sebanyak RM600.00 bagi tahun bayaran yuran tersebut dituntut;

- j) Tuntutan bayaran balik hendaklah diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar untuk kelulusan permohonan;
- k) Sebarang pembayaran menggunakan peruntukan mengurus Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah **tidak dibenarkan**; Bagi pegawai yang diluluskan penggunaan peruntukan daripada penaja (akaun amanah atau akaun penyelidikan), pegawai perlu melampirkan surat pengesahan daripada penaja dan **permohonan yang dibuat tidak perlu melalui Pejabat Pendaftar**.
- l) Bagi badan profesional yang memerlukan bayaran sekaligus melebihi kadar maksimum RM600.00 dan melibatkan tempoh keahlian melebihi setahun, kadar bayaran balik yang akan dikenakan adalah bergantung kepada tempoh keahlian. Pegawai perlulah membuat permohonan **tuntutan pada tahun semasa bayaran keahlian dibuat**. Baki tuntutan tahunan yang dibenarkan pula akan ditolak daripada jumlah tahun keahlian. Contoh: bayaran yuran keahlian badan profesional *National Specialist Register* (NSR) sebanyak RM1,500.00 yang perlu dibuat sekaligus bagi tempoh keahlian lima (5) tahun, baki tuntutan tahunan adalah sebanyak RM300.00 sahaja setiap tahun bagi tempoh masa lima (5) tahun yang akan datang;
- m) Sekiranya pegawai tidak lagi berkhidmat dengan Universiti Putra Malaysia bermula pada mana-mana tarikh sepanjang tempoh tahun tarikh sah sijil, maka, pegawai hendaklah membuat bayaran balik sijil kepada Universiti Putra Malaysia. Nilai bayaran balik tersebut adalah dikira berdasarkan nilai tahunan bayaran sijil badan yuran profesional bermula dari tahun perkhidmatan pegawai tamat. UPM berhak untuk membuat pelarasan pada gaji akhir sekiranya pegawai gagal untuk membuat bayaran balik jumlah yang telah ditetapkan.

## **SENARAI BADAN PROFESIONAL**

3. Senarai keahlian badan/persatuan profesional dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

### **BADAN PROFESIONAL DALAM NEGARA**

- Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
- Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)
- Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)
- Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Majlis Perubatan Malaysia (MMC)
- National Specialist Register (NSR)
- Malaysia Dental Council (MDC)
- Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
- Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
- Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)
- Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia (LPPM)
- Majlis Peguam Malaysia (BCM)
- Institute of Marketing Malaysia (IMM)
- Malaysian Association of Risk and Instrument Management (MARIM)
- Malaysian Insurance Institute (MII)
- Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
- Malaysian Financial Planning Council (MFPC)
- Financial Planning Association of Malaysia (FPAM)
- The Association of Chartered Islamic Finance Professionals (ACIFP)
- Malaysian National Computer Confederation (MNCC)
- International Association of Software Architects (IASA)
- Internet Society Malaysia (ISOC-MY)
- Association for Information Systems (AIS)
- Malaysian Institute of Management (MIM)
- The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)
- Institute of Engineers Malaysia (IEM)
- Institut Kimia Malaysia (IKM)
- Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

## **BADAN PROFESIONAL LUAR NEGARA**


- Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) UK
  - The Association of Chartered Islamic Finance Professionals (ACIFP)
  - Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)
  - Institute of Risk Management UK (IRM) UK
  - Institute of Certified Management Accountants (ICMA) Australia
  - Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) UK
  - Institute of Internal Auditors (IIA)
  - Institute of Public Accountants (IPA)
  - Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
  - Information Systems Audit and Control Association (ISACA)
  - CPA Australia (Professional Accounting Body in Australia)
  - The Law Association for Asia and the Pacific (LAWASIA)
  - Association of Information System (AIS)
  - Association of Computing Machinery (ACM)
  - Chartered Institute of Marketing (CIM) UK
  - The Institute of Engineering and Technology (IET)
  - Royal Society of Chemistry (RSC)
4. Sekiranya terdapat lain-lain keahlian badan/persatuan profesional yang **tidak tersenarai seperti di atas**, pegawai boleh membuat permohonan tuntutan bayaran balik yuran keahlian **tertakluk kepada perakuan dan kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)** yang berkaitan.

## **TATACARA TUNTUTAN PEMBAYARAN YURAN**

5. Kaedah permohonan tuntutan pembayaran yuran tersebut adalah dengan menghantar:
- a) **Borang permohonan:** Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional (**LAMPIRAN**) yang telah disemak dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab; dan
  - b) **Resit rasmi asal** yang dikeluarkan oleh badan profesional berkenaan. Mohon lampirkan bukti bayaran yang dibuat dalam Ringgit Malaysia sekiranya jumlah di resit asal menyatakan nilai pertukaran dari luar negara.
6. Pegawai hendaklah mengemukakan borang permohonan yang telah diperakukan oleh Ketua PTJ kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar untuk pengesahan kelayakan dan kelulusan permohonan.
7. Pemohon perlu mengisi borang tuntutan bayaran balik melalui sistem *e-Claims* selepas Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional telah diluluskan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.
8. Tuntutan bayaran balik di perenggan 7 yang telah diluluskan perlulah dihantar ke Bahagian Pengurusan Operasi Berpusat/Seksyen Kewangan PTJ Pejabat Bursar bagi proses pembayaran.

## CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DALAM DAN LUAR NEGARA

CARTA ALIR PROSES	KETERANGAN
<pre> graph TD     Mula([Mula]) --&gt; Step1[Pemohon Mengisi Borang Permohonan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional]     Step1 --&gt; Step2[Semakan PTJ]     Step2 --&gt; Dec1{Lengkap?}     Dec1 -- Tidak --&gt; Step1     Dec1 -- Ya --&gt; Step3[Pengesahan / Kelulusan Ketua PTJ]     Step3 --&gt; Dec2{Lulus?}     Dec2 -- Tidak --&gt; Step2     Dec2 -- Ya --&gt; Step4[Semakan Pejabat Pendaftar]     Step4 --&gt; Dec3{Lengkap?}     Dec3 -- Tidak --&gt; Step2     Dec3 -- Ya --&gt; Dec4{Lulus?}     Dec4 -- Ya --&gt; A((A))     Dec4 -- Tidak --&gt; B((B))     </pre>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemohon isi Borang Permohonan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional dengan merujuk kepada kriteria kelayakan dan Garis Panduan Permohonan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional Dalam Dan Luar Negara.</li> <li>2. Hantar borang Permohonan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional kepada Unit Kewangan / Pentadbiran PTJ untuk semakan sebelum diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).</li> <li>3. Sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak lengkap atau memerlukan pembetulan, kembalikan semula kepada pemohon untuk tindakan.</li> <li>4. Borang Permohonan Yuran Keahlian Badan Profesional yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Ketua PTJ untuk perakuan keahlian badan profesional yang dianggotai oleh pemohon.</li> <li>5. Sekiranya permohonan tidak diperakukan oleh Ketua PTJ, proses adalah tamat di sini.</li> <li>6. Borang Permohonan Yuran Keahlian Badan Profesional yang telah diperakukan oleh Ketua PTJ hendaklah dihantar ke Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar untuk semakan dokumen.</li> <li>7. Borang Permohonan Yuran Keahlian Badan Profesional yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia untuk pengesahan dan kelulusan permohonan.</li> <li>8. Sekiranya permohonan bayaran balik yuran keahlian Badan Profesional tidak diluluskan, kembalikan semula kepada pemohon dan proses selesai.</li> <li>9. Permohonan yang telah diluluskan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia hendaklah dikembalikan kepada pemohon untuk tindakan selanjutnya.</li> </ol>



10. Pemohon perlu mengisi borang tuntutan bayaran balik melalui Sistem e-Claims (**pilih Kod PTJ Yuran Keahlian Badan Profesional: 13040**) bagi membolehkan proses pembayaran dibuat. Borang Permohonan Yuran Keahlian Badan Profesional yang telah diluluskan oleh Pejabat Pendaftar hendaklah dilampirkan bersama **resit tuntutan asal**.

11. Hantar borang tuntutan bayaran balik bersama Borang Permohonan Yuran Keahlian Badan Profesional yang telah diluluskan kepada Unit Kewangan / Pentadbiran PTJ untuk semakan sebelum diluluskan oleh Ketua PTJ/Pegawai Yang diberikuasa (PYD)

12. Borang tuntutan bayaran balik yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Ketua PTJ/PYD untuk kelulusan tuntutan bersama lampiran berkaitan.

13. Sekiranya permohonan tidak diluluskan oleh Ketua PTJ/PYD, kembalikan semula kepada pemohon untuk tindakan selanjutnya.

14. Tuntutan bayaran balik yang telah diluluskan oleh Ketus PTJ/PYD dihantar ke Pejabat Bursar (Bahagian Pengurusan Operasi Berpusat/Seksyen Kewangan) untuk proses pembayaran tuntutan.

15. Sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak lengkap atau memerlukan pembetulan, kembalikan semula kepada PTJ untuk tindakan selanjutnya.

16. Dokumen tuntutan bayaran balik bagi yuran keahlian badan profesional yang telah disahkan oleh Pengesah Sistem e-Claims dan seterusnya diluluskan oleh Pelulus sebelum diproses dalam Sistem Kewangan Utama Universiti (SAGA).

17. Tuntutan bayaran balik yang tidak dapat disahkan atau diluluskan di dalam Sistem e-Claims atau di Sistem Kewangan Utama Universiti hendaklah dipulangkan kepada PTJ untuk tindakan selanjutnya.

18. Proses tuntutan bayaran yuran keahlian badan profesional tamat di sini.